

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]
TARIKH : SELASA, 10 JUN 2014
RUJUKAN : L4 [PR-1322-L62192]
SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS) bernilai RM365 juta yang masih tidak berfungsi sungguhpun berkesan di Singapura dan Hong Kong. Apakah penalti yang dikenakan terhadap syarikat dan pegawai DBKL serta adakah sistem ini boleh diterima pakai.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan, projek ITIS yang bernilai RM365 juta itu telahpun dimulakan pada tahun 2002 dan siap serta beroperasi sepenuhnya pada tahun 2005.

Pada peringkat awal operasinya, peralatan-peralatan luar sistem IT IS iaitu Kamera Litar Tertutup (CCTV), Automatic Incident Detector (AID) serta Variable Message Sign (VMS) telah beroperasi dengan baik sehinggalah ke satu tempoh sepuluh tahun dari tarikh pemasangan. Perkhidmatannya telah mengalami gangguan disebabkan oleh perkara-perkara seperti kecurian kabel yang melampau, vandalism, peralatan telah mencapai jangka hayat, peralatan telah tidak digunakan lagi (*obsolete*) dan kesukaran mendapatkan alat ganti terutamanya yang diimport dari luar Negara. Perkhidmatan telah mengalami kemerosotan demi kemerosotan sehingga sekitar 50% sahaja.

Pihak kontraktor tidak dikenakan sebarang penalti kerana telah menyiapkan kerja-kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Begitu juga dengan pegawai yang terlibat tidak dikenakan sebarang tindakan kerana tiada sebarang kecuaiian dilakukan.

Berdasarkan kepada perkembangan teknologi terkini dan kesukaran mendapatkan alat-alat ganti peralatan yang telah *obselete* DBKL telah memutuskan untuk memulih dan mempertingkatkan sistem sedia ada dengan kaedah penyewaan. Ini bermakna DBKL hanya akan membayar kepada kontraktor bagi peralatan yang beroperasi sahaja. Semua peralatan dibekal dan dipasang oleh kontraktor. Kontraktor perlu bertanggungjawab menyelenggarakan peralatan dengan kos ditanggung sendiri oleh kontraktor.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD
JARJIS [ROMPIN]**

TARIKH : **10 JUN 2014 (SELASA)**

SOALAN : **123**

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [Rompin] minta **MENTERI
PENGANGKUTAN** menyatakan kedudukan kemajuan terkini bagi
cadangan pembangunan Lapangan Terbang Pulau Tioman.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Rompin, Kementerian Pengangkutan telah memohon peruntukan siling untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Pulau Tioman di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Namun begitu, permohonan tersebut tidak dapat diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) memandangkan terdapat kekangan peruntukan. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengemukakan permohonan siling peruntukan untuk cadangan penaiktarafan Lapangan Terbang Tioman dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 10JUN 2014 (SELASA)

SOALAN : 124

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mengeluarkan manifest kargo MH370. Mengapa info manifest ini belum dikeluarkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, Kerajaan telah mengeluarkan manifest kargo MH370 kepada media pada 1 Mei 2014.